

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 APRIL 2017

## Seri Paduka pancaran pemeribadian, jati diri negara – Najib

UM - 25/4/2017

**KUALA LUMPUR 24 April** – Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, institusi Raja atau dalam konteks Kerajaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong, adalah pancaran kepada ‘Pemeribadian atau Jati Diri Negara’, yakni ‘Personification of the Nation’.

Katanya, Yang di-Pertuan Agong sebagai cerminan dan jelmaan, yakni manifestasi kepada ‘Adicita’ atau ideologi Rukun Negara, yang menjadi asas kepada sebuah negara bangsa, makmur dan merdeka.

“Sesungguhnya, institusi Yang di-Pertuan Agong ini adalah unik kepada Malaysia, kerana ia bu-

kanlah amalan di negara-negara beraja lain di dunia. Ia tidak melalui sistem undian oleh rakyat dan bukan juga diwarisi secara keturunan.

“Institusi ini, tidak lain dan tidak bukan, menjadi kesinambungan kepada tradisi pemerintahan Raja-raja Melayu sejak zaman berzaman,” katanya semasa menyembahkan ucapan tahniah dan taat setia atas pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong XV di Istana Negara hari ini.

Kata Najib, Sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia juga amat tertib menurut lunas-lunas yang

ditetapkan, di atas roh juga semangat bahawa Raja dan Rakyat Berpisah Tiada.

Dalam sembah ucapannya, Perdana Menteri turut menyembah maklumkan keadaan semasa negara terutamanya mengenai Dasar Transformasi Nasional yang menjadi pemangkin untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Menerusi Program Transformasi Nasional, Najib berkata laporan tahunannya bagi kali keenam sebelum penghujung bulan ini, telah berjaya mencapai pelbagai kejayaan dan mendapat pengiktirafan daripada Badan-Badan Pemiawai serta Pengabsah

di peringkat antarabangsa.

“Alhamdulillah, meskipun negara tidak lari daripada berdepan dengan kesuraman ekonomi global, akari tetapi, menurut Bank Dunia, pertumbuhan ekonomi Malaysia, mudah-mudahan akan berkembang pada kadar 4.3 peratus bagi tahun 2017. Malah, pada minggu lepas pula, patik selaku Perdana Menteri, bagi pihak kerajaan Tuanku, telah melancarkan satu lembaran baharu kepada Dasar Bumiputera, setelah 45 tahun Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan oleh Allahyarham ayahanda patik, Tun Haji Abdul Razak, pada tahun 1971,” katanya.